

# KKIP UMS diiktiraf Kolej Kediaman Tanpa Sampah

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
bustymessy@gmail.com

**D**EWAN Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) kelmarin mengiktiraf Kolej Kediaman Indah Permai (KKIP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai Kolej Kediaman Tanpa Sampah yang pertama di Sabah.

Mayor DBKK, Datuk Iliyas Ibrahim berkata, pengiktirafan berkenaan membawa bersama satu tanggungjawab dan komitmen dalam kalangan penghuni KKIP agar tidak akan membuang sampah bukan sahaja di kawasan kolej kediaman malah di mana sahaja mereka berada.

“Sijil pengiktirafan ini boleh ditarik balik dan dibatalkan oleh DBKK sekiranya pada masa akan datang terdapat sampah di merata tempat dalam kawasan kolej kediaman ini,” katanya ketika berucap merasmikan majlis pengiktirafan berkenaan di sini kelmarin. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah DBKK, Yeo Boon Hai.

Menurutnya, keputusan KKIP dalam menyokong usaha DBKK menggiatkan kempen Anti Kutu Sampah dan Hari Isnin Tanpa Beg Plastik merupakan satu strategi terbaik terhadap penghuni KKIP sebagai generasi muda yang mencintai kebersihan alam sekitar.

Beliau turut berharap

“ Sijil pengiktirafan ini boleh ditarik balik dan dibatalkan oleh DBKK sekiranya pada masa akan datang terdapat sampah di merata tempat dalam kawasan kolej kediaman ini. ”

**DATUK ILIYAS IBRAHIM**  
Major DBKK

agar penghuni KKIP benar-benar memahami makna Kolej Kediaman Tanpa Sampah yang mana semua penghuni disaran untuk menyebarkan maklumat mengenai Kempen Anti Kutu Sampah kepada sesiapa sahaja.

“Ini merupakan komitmen warga UMS

dalam menyebarkan maklumat mengenai kempen ini kepada orang awam agar lebih ramai yang akan berubah sikap dan menyedari tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran,” jelasnya.

Sementara itu, Duta Kempen Hari Isnin Tanpa Beg Plastik, Sharanjeet



**IKTIRAF ... Yeo (dua kanan) menyampaikan sijil pengiktirafan kepada Kasim sambil diperhatikan oleh Joanes (kiri) dan Piakong (tengah).**



**DUTA ... Sharanjeet (dua kanan) bersama kumpulan dibawah SIFE menunjukkan beg sempena Kempen Hari Isnin Tanpa Beg Plastik.**

Kaur berkata, UMS kini giat berusaha untuk mendapat pengiktirafan sebagai Universiti Tanpa Sampah bagi menunjukkan keprihatinan terhadap kepentingan menjaga kebersihan.

Beliau yang juga pelajar UMS ini pernah mewakili Malaysia dalam pertandingan ‘Student in Free Enterprise’ (SIFE) World Cup di Berlin, Jerman menjelaskan setakat ini pelajar dibawah SIFE sedang berusaha gigih agar mencapai status berkenaan.

“Kami memang berharap UMS akan diumumkan sebagai Universiti Tanpa Sampah pada masa akan

datang memandangkan kami mahu para pelajar bertanggungjawab dan komited dalam menjaga alam sekitar.

“Pengiktirafan KKIP sebagai Kolej Kediaman Tanpa Sampah akan menjadi panduan kepada kami untuk membawa budaya menjaga kebersihan di universiti ini,” katanya ketika ditemui media selepas majlis berkenaan.

Pada pertandingan di Berlin yang diadakan Oktober tahun lepas, Sharanjeet bersama kumpulannya berjaya hingga ke peringkat separuh akhir sebagai kumpulan ke-16 terbaik

yang melibatkan 40 buah negara dari seluruh dunia.

Tahun ini, beliau bersama 11 lagi pelajar dalam kumpulan SIFE akan bekerjasama dengan kumpulan baru bagi mendapat pengiktirafan sebagai Universiti Tanpa Sampah daripada DBKK.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Madya Dr. Kasim Md. Mansur; Pengetua KKIP, Prof. Madya Dr. Piakong Mohd. Tuah; Timbalan Ketua Pengarah Operasi DBKK, Joanes Solidau; dan Pengarah Jabatan kesihatan dan Perkhidmatan Bandar DBKK, Robert Lipon.